

Headline	<b>Vimalah terima anugerah Tun Dr. Siti Hasmah</b>
Date	<b>15. Jul 2008</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>
Section	<b>Supplement</b>
Circulation	<b>238082</b>
Readership	<b>833287</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>9</b>
Article Size	<b>657 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>



# Vimalah terima anugerah Tun Dr. Siti Hasmah

Oleh ROSMAWATI MION

**K**EPERITAN dan kemiskinan sering dijadikan alasan gagal dalam hidup. Namun, bagi seseorang yang terutama yang bersemangat kental, kepayahan itu lah yang menjadi pendorong untuk mencapai kesenangan di masa depan.

Semangat itu juga yang mengalir dalam diri Vimalah Nair, 55, sehingga membolehkan beliau dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tun Dr. Siti Hasmah 2008 baru-baru ini.

Bagi pembantu khas kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr. Ng Yen Yen ini, keperitan hidup yang dilalui sejak kecil dan berlarutan hingga beliau bergelar ibu tunggal, sama sekali tidak mematahkan semangat untuk berjaya dalam hidup.

Sebaliknya, perjalanan hidupnya itu secara tidak langsung telah mematahkan diri sekali gus mengajar beliau untuk tidak mengenal arti putus asa.

"Saya terharu dengan penganugeraha-

han ini, namun ia tidak membuatkan saya lupa diri. Bahkan, saya akan lebih bekerja keras bagi meningkatkan martabat kaum wanita di negara ini khususnya di kalangan ibu tunggal," katanya selepas diumumkan sebagai pemenang Anugerah Tun Dr. Siti Hasmah Institut Pengurusan Wanita (WIM) Women of The Year 2008.

Anugerah disampaikan sendiri oleh Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali. Hadir sama pada majlis tersebut Pengerusi WIM, Tan Sri Napsiah Omar dan Pengerusi Projek, Puan Sri Siew Yong Gnanalingam.

Anugerah yang dilancarkan pada 2003 adalah anjuran WIM bagi mengiktiraf dan menghargai kegigihan wanita yang berjaya mencipta kecemerlangan biarpun terpaksa menempuh pelbagai cabaran.

Vimalah, ketika ditemui turut menyifatkan kemenangan itu sebagai lambang kejayaan kepada golongan ibu tunggal yang terpaksa melalui kepayahan hidup sebelum mencapai kehidupan lebih sempurna.

Justeru, beliau melahirkan kesediaan untuk membantu kaum wanita tanpa mengira bangsa terutama mereka yang hidup dalam kedaifan dan menjadi mangsa dera suami.

"Apabila kita memberi harapan dengan bersedia membantu atau setidak-tidaknya meluangkan masa mendengar masalah yang dihadapi wanita khususnya ibu tunggal, mereka akan lebih bersemangat untuk menempuh hari-hari mendatang.

"Tetapi, jika tiada pertolongan seperti ini, mereka akan terumbang-ambil apabila ditinggalkan suami," ujarnya.

Vimalah mengakui setiap kejayaan kerap didahului dengan cabaran dan halangan yang perlu diatpuh.

Bagaimanapun, andai wujud kesabaran dalam diri, segalanya dapat dilalui sebelum diri menginjak puncak kejayaan.

## Yakin pada diri sendiri

Menyusuri kehidupan anak kelahiran Gemas, Negeri Sembilan ini, boleh dikatakan hanya mereka yang sabar sahaja dapat bertahan, apatah lagi berokeh kejayaan membanggakan.

Kesusahan hidup sudah dirasai seawal usianya tiga tahun apabila ibu bapanya berpisah. Beliau kemudiannya terpaksa memainkan peranan sebagai kakak sulung kepada tujuh adik tiri apabila ibunya mengambil

Headline

Vimalah terima anugerah Tun Dr. Siti Hasmah

Date

15. Jul 2008

Media Title

Utusan Malaysia



CABARAN hidup berliku yang dilalui Vimalah Nair membuatkan beliau dipilih memenangi Anugerah Wanita Tahunan Tun Dr. Siti Hasmah-WIM 2008.



VIMALAH NAIR menerima anugerah daripada Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Gambar HALIM KHALID

keputusan berkahwin lagi.

Menetap di estet, setiap hari Vimalah mengagahkan diri berjalan sejauh hampir dua kilometer semata-mata untuk menaiki bas ke sekolah yang letaknya kira-kira 32 kilometer dari Gemas.

Bagi membolehkan beliau terus bersekolah, Vimalah sanggup menjahit pakaian sekolahnya sendiri bagi menjimatkan wang, selain menjaga adik-adik tiri.

Apa yang diingini dan diimpikan ketika itu adalah menjadi seorang yang berpendidikan tinggi. Malangnya, dia dipaksa berkahwin ketika berusia 17 tahun, iaitu selepas sahaja tamat tingkatan lima.

Mengharapkan perkahwinan memberi sinar baru dalam hidup, namun ekoran sikap suami yang cemburu, akhirnya mereka bercerai.

Malang menimpa sekali lagi apabila satu-satunya anak lelaki mereka dibawa lari oleh bekas suami.

Ekoran kes itu, Vimalah terpaksa ke mahkamah untuk mendapatkan anaknya kembali. Setelah puas turun naik mahkamah, beliau mendapat juga penjagaan penuh terhadap anaknya.

Untuk menampung kehidupan mereka, Vimalah bekerja sebagai guru sementara dengan pendapatan RM270.

Disebabkan tidak mencukupi, beliau mengambil upah menjahit dan mengajar tuisyen untuk mendapatkan wang tambahan.

Apatah lagi ketika itu Vimalah juga perlu menjaga tujuh adik tirinya selepas ibu meninggal dunia akibat kanser dan bapa tiri pula pulang ke India tanpa membawa seorang pun ahli keluarga.

Impiannya untuk menjadi seorang yang berpendidikan masih disimpan. Biar dibelenggu kesusahan, beliau masih berjaya memasuki Universiti Putra Malaysia dan memperoleh Ijazah Pendidikan pada tahun 1992 selepas 20 tahun meninggalkan bangku sekolah.

Sekjak itu keinginannya untuk belajar terus membawa membuatkan beliau mengambil keputusan menyambung pelajaran dengan mengambil Sarjana dalam Pengurusan Pendidikan di Bristol, United Kingdom.

Kini, selepas berhenti mengajar pada usia 48 tahun, Vimalah bergiat aktif dalam membantu masyarakat terutama wanita.

Tidak hairan beliau dilantik sebagai pembantu khas untuk Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam isu-isu berkaitan masyarakat India.

Selain Vimalah, empat lagi tokoh wanita yang berjaya ke peringkat akhir ialah Perunding Kanan Institut Aminudin Bakri, Mary Yap Kain Ching; Naib Presiden Seksyen Wanita Dewan Perhimpunan Cina Negeri Perak, Moy Ooi Thye; Perunding Perubatan Alternatif, Dr. Srivalliammah Narayanaswamy dan Pengarah Jizi Garden Service, Zahariah Adam.

Sebagai pemenang, Vimalah menerima hadiah wang tunai RM30,000 di mana RM20,000 daripada hadiah kemenangan itu akan disalurkan kepada projek WIM yang dipilih olehnya bagi membantu wanita tidak bernasib baik.

Selain itu, Vimalah turut menerima seutas jam tangan Girard Perrigaux berharga RM30,000, rantai mutiara Rafflesia bernilai RM15,000 dan trofi kemenangan.